

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

2

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

29.06.2025 | Metro Ahad

lokal

Harian Metro M/s 2 Lokal 29/6/2025 (Ahad)



KLINIK gigi palsu berselindung di sebalik aktiviti salon kecantikan dan rawatan rambut untuk golongan elit.

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin dan Nor
'Asyikin Mat Hayin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Bijak berselindung di sebalik aktiviti salon kecantikan dan rawatan rambut untuk golongan elit.

Itu antara taktik digunakan beberapa doktor gigi palsu yang dikesan beroperasi dan menawarkan khidmat secara haram kepada orang ramai.

Kegiatan didalangi seorang wanita berusia 30-an itu bagaimana-napun berjaya dibongkar hasil risikan dilakukan sepasukan pegawai Unit Penguatkuasa Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak beberapa bulan lalu.

Risikan mendapati suspek yang memiliki ramai pekerja itu berselindung di sebalik premis perniagaan pusat kecantikan di Seksyen 18, di sini.

Sumber berkata, pemeriksaan mengejut disertai pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terhadap premis itu dilakukan sekitar jam 1.30 tengah hari semalam.

"Tindakan itu dilakukan selepas premis itu disyaki menyediakan rawatan pergigian tanpa didaftar-

DOKTOR GIGI 'CAP AYAM'

Tawar khidmat secara haram berselindung di sebalik salon kecantikan, rawatan rambut

kan dengan KKM selain dikendalikan individu tidak berkecualan.

"Ketika pemeriksaan dilakukan, seorang wanita tempatan didapati sedang menjalankan rawatan braces (pendakap gigi) terhadap seorang pelanggan di sebuah bilik khas di bahagian belakang premis.

"Siasatan mendapati terdapat pelbagai peralatan khas yang digunakan bagi melakukan rawatan pemasangan pendakap gigi ditemui di dalam bilik berkenaan," katanya.

Menurutnya, risikan mendapati suspek wanita terbabit turut 'menurunkan ilmu' kepada pekerja warga Indonesia bagi melakukan rawatan haram berkenaan.

"Ini berdasarkan pengakuan hasil soal siasat dilakukan terhadap pekerja wanita di premis itu.

"Selain itu, suspek gagal menunjukkan dokumen sah bagi mengesahkan premis itu adalah klinik

pergigian swasta (KPS) berdaftar dengan kementerian.

"Wanita itu juga gagal mengemukakan bukti perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan semasa sebagai pengamal pergigian berdaftar," katanya.

Menurutnya, beberapa pelanggan yang kebetulan turut berada di dalam premis itu turut diambil keterangan bagi membantu siasatan.

Susulan itu semua bahan bukti rawatan pergigian haram berkenaan dirampas untuk tindakan lanjut.

"Suspek boleh didakwa mengikut Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 kerana menjalankan amalan pergigian tanpa didaftarkan selain Seksyen 4(1) kerana menyediakan klinik pergigian tanpa berdaftar di bawah Seksyen 27, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1988," katanya.

ANTARA rampasan alat rawatan pergigian ketika serbuan di Seksyen 18, Shah Alam.

Semakin berani iklan khidmat di media sosial

Kuala Lumpur: "Kewujudan doktor pergigian tidak bertauliah ini sudah berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu. Namun sejak kebelakangan ini mereka semakin berani mengiklankan perkhidmatan rawatan gigi secara terbuka di media sosial," kata Timbalan Presiden Persatuan Doktor Pergigian Islam Malaysia (IDAM) Dr Haniff Mohd Suffian.

Menurutnya, perkhidmatan pergigian ditawarkan doktor gigi palsu ini semakin ke hadapan termasuk tampilkan gigi dan memasang pendakap gigi.

"Kemunculan doktor gigi palsu seperti cendawan tumbuh selepas hujan berpunca wang mudah di-

peroleh golongan ini.

"Apatah lagi harga rawatan yang ditawarkan lebih murah berbanding doktor pergigian bertauliah selain tawaran promosi dilakukan menarik perhatian ramai orang untuk mendapatkan rawatan ini," katanya.

Beliau berkata, individu menggunakan perkhidmatan doktor pergigian tidak bertauliah berisiko mendapat penyakit berjangkit yang berbahaya.

Menurutnya, ia terjadi melalui jangkitan silang daripada satu orang kepada orang lain.

"Antara penyakit boleh dijangkiti ialah HIV, hepatitis B, hepatitis C

dan tuberculosis (Tibi).

"Jangkitan ini berlaku apabila kaedah pembasmian kuman dilakukan doktor gigi palsu terhadap peralatan digunakan ketika rawatan tidak mengikut cara yang betul.

"Sebaliknya doktor pergigian bertauliah tidak menggunakan peralatan sama. Mereka terlebih dahulu membersihkan peralatan ini dengan cara betul sebelum merawat pesakit lain," katanya.

Beliau berkata, caj rawatan pergigian yang murah ditawarkan doktor gigi palsu menyebabkan individu mengambil jalan mudah mendapatkan perkhidmatan doktor palsu itu tanpa memikirkan risiko

kesihatan bakal mereka hadapi.

"Selain itu, tempoh menunggu lebih pendek berbanding doktor pergigian kerajaan bagi sesetengah rawatan juga menjadi faktor yang menarik individu mendapatkan perkhidmatan doktor terbabit.

"Ada dua undang-undang khas berkaitan rawatan gigi iaitu Akta Pergigian 2018 (Akta 804). Akta ini jelas menyatakan hanya doktor gigi bertauliah yang boleh menjalankan rawatan pergigian.

"Satu lagi Akta 586, yang akta ini menyatakan rawatan pergigian mesti dilakukan di fasiliti pergigian berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

INDIVIDU menggunakan perkhidmatan doktor pergigian tidak bertauliah berisiko mendapat penyakit berjangkit yang berbahaya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Harian Metro m/s 4 Lokal 29/6/2025 (Ahad)



KLINIK gigi haram diserbu di Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang didapati berselindung di sebalik perniagaan sosej lokcing.

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin dan Nor
'Asyikin Mat Hayin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Berselindung di sebalik perniagaan makanan ringan lokcing Thailand bagi mengaburi aktiviti sebenar sebagai doktor gigi haram.

Itu antara tindakan licik seorang gadis berusia 24 tahun yang menjalankan perkhidmatan pendakap gigi secara haram di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Kegiatan dilakukan sejak lebih tiga tahun lalu itu bagaimanapun terbongkar apabila premis diserbu pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hasil risikan dilakukan.

Lebih mengejutkan, 'klinik gigi' dikendalikan wanita itu hanyalah ruang sempit bawah tangga di sebuah premis menjual sosej lokcing dan makanan ringan.

Persekitarannya bukan sahaja panas dan sesak, malah premis itu sedang dalam pengubahsuaian, kotor dan berhabuk.

Pelbagai bahan pergigian dan peralatan pergigian berada dalam bekas berdebu dan kotor diragui tahap kebersihannya.

Sumber KKM berkata, wanita terbabit diper-cayai mula menjalankan rawatan pergigian haram selepas era pandemik Covid-19.

"Dia dilaporkan menawarkan pemasangan pendakap gigi pada harga jauh lebih murah berbanding klinik pergigian diiktiraf KKM.

"Pemeriksaan lanjut turut menemui pelbagai bahan rawatan pergigian seperti bahan tempalan, pelbagai wayar dan getah serta peralatan lain diragui kebersihannya. Proses rawatan ini dilakukan dalam ruang sempit yang tidak sesuai tanpa sebarang kawalan kebersihan," katanya.

Siasatan awal mendapati wanita terbabit mepelajari teknik pemasangan pendakap gigi melalui video di media sosial dan menjadikan perniagaan itu sebagai salah satu sumber pendapatan utama.

Pihak KKM menegaskan sebarang rawatan pergigian hanya boleh dijalankan pengamal pergigian berdaftar dengan Majlis Per-



RAMPASAN dilakukan anggota UPP JKKN di Beris Kubur Besar, Bachok dan Kampung Merangkap, Pasir Puteh, Kelantan.

gigian Malaysia.

Sementara itu, di Kelantan, pihak Unit Penguatkuasaan Pergigian (UPP), Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) turut melakukan dua serbuan di Bachok dan Pasir Puteh minggu lalu.

Dalam operasi itu dua wanita muda turut diber-

cayai dijadikan 'klinik rahsia' menawarkan pemasangan pendakap gigi palsu.

Difahamkan, wanita tempatan berusia 21 dan 22 tahun ditahan itu menjalankan amalan pergigian tanpa kelayakan sah sejak tahun 2022 dan 2024. Kedua-dua suspek tidak memiliki kelulusan daripada Majlis Pergigian Malaysia (MPM) dan didapati melanggar undang-undang mengikut Akta Pergigian 2018 [Akta 804].

Pelbagai bahan bukti kes dirampas termasuk peralatan pergigian, bahan pendakap gigi dan dokumen berkaitan.

Aktiviti rawatan gigi tidak bertauliah yang dijalankan di rumah kediaman ini mencetuskan kebimbangan serius kerana ia dilakukan tanpa mematuhi standard kebersihan, prosedur steril yang betul serta ketiadaan latihan perubatan.

Sementara itu, di Pahang, seorang gadis berusia 23 tahun didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan selepas didapati melakukan kegiatan sama di

Felda Sungai Panching Utara, Kuantan.

Suspek yang diberkas pada 28 November lalu, didapati menjalankan amalan pergigian di premis tidak berdaftar KKM. Ketika serbuan dilakukan, dia didapati melakukan rawatan pendakap gigi ke atas seorang pelanggan wanita.

Penggeledahan dan pemeriksaan turut menjumpai peralatan dan bahan pergigian. Gadis itu gagal menunjukkan sijil perakuan pendaftaran premis sebagai sebuah klinik pergigian swasta, Perakuan Pendaftaran Pengamal dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM) dan Perakuan Pengamalan Tahunan kepada pegawai KKM.

Gadis itu dijatuhkan hukuman denda RM40,000 atau empat bulan penjara jika gagal membayar denda mengikut Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 dan denda RM30,000 mengikut Seksyen 4(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] selepas pengakuan bersalah.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

The Star m/s 9 Naton 29/6/2025(Ahad)

Basic health insurance scheme still in the works

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: The government's proposed basic health insurance scheme, aimed at cushioning Malaysians from rising medical costs, is still in the early stages of development.

It is understood that the scheme will be operated by private insurance companies and primarily target the M40 and T20 income groups that rely on private healthcare.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan recently said the government is exploring the possibility of introducing a basic medical insurance plan to ease the public's financial burden in the face of escalating healthcare expenses.

Federation of Malaysian Consumers Associations secretary-general Dr Saravanan Thambirajah described the proposal as a progressive step, provided that it is designed to improve access and affordability for all Malaysians.

"To genuinely serve the people, this scheme must not become just another commercial product that



Sharing their views: Saravanan (left) and Dr Sharifa.

enriches private insurers or healthcare providers at the expense of consumers," he said.

Saravanan stressed that the insurance plan must be treated as a public good, designed, managed, and enforced by the government with a strong emphasis on equity, transparency and affordability.

He also criticised the current state of private healthcare and insurance in Malaysia, saying both sectors operate with minimal oversight.

"Medical inflation continues to rise sharply because private hospitals are free to set their own fees with little scrutiny.

"Meanwhile, private insurance premiums increase disproportionately with age, often pricing out the elderly and those with

pre-existing conditions," he said.

To address this, Saravanan urged the Health Ministry to establish an independent and powerful regulatory body to oversee the private healthcare sector.

Such an agency, he said, must have the authority to set service price ceilings, standardise treatment costs, ensure fair billing, and mandate hospitals to publish their fees and provide clear cost estimates upfront.

Health economist Prof Dr Maznah Dahlui of Universiti Malaya said if the scheme is designed as a social or national health insurance programme, it could play a crucial role in sustaining the country's healthcare system amid rising disease burdens and costs.

"But if it turns out to be just another form of private health insurance, we risk going down the path of the United States," she said.

Dr Maznah called on the government to come up with a national health fund to ensure universal basic coverage, with the option for those who can afford it to top up with private insurance or out-of-pocket payments.

As for the B40 group, she said

they can be subsidised by the government, if their medical expenses exceed the scheme's coverage limit.

Dr Maznah also expressed concern over the decision to allow Employees Provident Fund savings to be used for private health insurance premiums instead of for social health insurance.

She said private insurance should only be paid for out-of-pocket or funded by employers.

Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, a health economics and public health specialist from Universiti Kebangsaan Malaysia, said the government's idea is well intentioned but needs careful structuring.

"The issue is which bracket will be paying premiums, from which fund, and which income bracket will be subsidised through public fund?" she said.

Dr Sharifa stressed that the basic medical insurance should cover essential services, basic procedures, and access to secondary and tertiary care, with some co-payments.

She said if premiums are set too low, it could jeopardise the quality of care, with the low-income group affected the most.